

**BELATUK RANTING**  
Checker-throated Woodpecker

FAMILI: Picidae  
NAMA SAINTIFIK: *Picus mentalis*



**CIRI-CIRI**

Spesies ini hampir sama dengan Belatuk Mas (*Picus puniceus*) tetapi bahagian atas kepala berwarna buah zaitun, bahagian tepi leher dan atas dada berwarna coklat buah berangan, garisan di bahagian atas paruh berwarna coklat kehitaman berkilat. Bahagian tekak berwarna putih dengan terdapat jalur-jalur hitam yang tebal. Bagi burung betina, bahagian atas paruh, tepi kepala dan atas dada berwarna coklat buah berangan pudar. Bagi burung juvenil pula, bahagian atas kepala dan bahagian bawah badan berwarna coklat.

**SAIZ**

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah 26.5-29.5 sm. Berat 88-13g.

**MAKANAN**

Kumbang, semut, serangga kecil dan buah-buahan.

**HABITAT**

Habitat yang sesuai ialah di hutan tanah pamah dan juga paya bakau. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,220 m dari aras laut.

**BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi satu nada *kyick* dan *kiyee-kiyee-kiyee...*

**TABIAT:**

Biasanya di lihat secara sendirian tetapi kadang-kadang dalam pasangan.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah dari bulan Mac hingga bulan Ogos pada sepanjang tahun. Sarang adalah pada lubang yang dikorek di pokok dan ketinggian sarang adalah 5-6m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2-3 biji telur dan telur adalah berwarna putih.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara.